

# Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

## ITM LAHIR GRADUAN KE - SERATUS RIBU



Saudara Rien Hashim  
Pelajar Terbaik ITM 1996.



Bangga.... Para graduan kumpulan pertama  
menerima Anugerah Ijazah Sarjana Muda ITM.

Majlis Konvokesyen ITM Ke-44 Oktober 1996 mencatat kelahiran graduannya yang ke seratus ribu sejak penubuhan ITM pada 1956 dan angka ini telah disahkan oleh Pejabat Pendaftar ITM. Saudara Shamsul Bin Jaafar graduan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) merupakan graduan ITM ke seratus ribu yang berlangsung pada sidang ke dua Majlis Konvokesyen ITM pada 26 Oktober 1996.

Pencapaian ke angka ini telah diumumkan semasa saudara Shamsul menerima diplomanya. Pengumuman ini telah disambut dengan tepukan gemuruh oleh semua yang hadir di sidang tersebut. Jumlah keseluruhan graduan ITM kini mencapai kepada 103,373.

Majlis Konvokesyen ITM Ke-44 juga menyingkap kehadiran satu era-baru. Selaras dengan pindaan Akta ITM 1996 yang telah digazetkan pada 17 Oktober 1996 ITM kini dibenarkan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kepujian menggantikan diploma lanjutan dan diploma yang setaraf dengan ijazah. Tambahan pada

itu ITM dibenarkan menjalankan kursus-kursus bertaraf sarjana dan Ph.D.

Selaras dengan Pindaan Akta ITM 1996, ITM yang dahulunya ditadbir oleh Majlis ITM kini ditadbir oleh Lembaga Pengarah ITM, Pengarah kini digelar Rektor manakala Pengetua Kampus Cawangan digelar Provost. Seramai 4,482 graduan telah menerima ijazah sarjana, ijazah sarjana muda (kepujian) ijazah sarjana muda Diploma Lepasan Ijazah Sijil Profesional dan diploma bagi konvokesyen kali ke-44 Oktober 1996.

Tahun ini saudara Rien Bin Hashim graduan Diploma Perakaunan telah diumumkan sebagai Pelajar Terbaik ITM 1996 manakala saudara Noor Nashriq Dadameah Bin Noor Nikman Dadameah graduan Diploma Sains Aktuari memenangi anugerah Kepimpinan Cemerlang (Guthrie) 1996 dan saudari Fadzillawati Binti Abdul Latif graduan Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian) telah memenangi anugerah Pelajar Wanita Cemerlang (AVON) 1996

### Rujukan:

ITM Lahir Graduan Ke- Seratus Ribu. (1996, Oktober/November 10). Berita ITM, p. 1.



This item is available at  
Jabatan Arkib Universiti

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku

او سها. تقوى. مولى

BIL: 139/JUN 2024